

LATAR BELAKANG

- Umur 60 tahun, dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan
- Berkelulusan dari Universiti Malaya

KARIER

- 1982** - Pegawai Undang-undang Lembaga Pembangunan Kelantan Selatan (Kesedar)
- 1984** - Pegawai Undang-undang Majlis Perbandaran Seremban
- 1986** - Menyertai Jabatan Peguam Negara di Bahagian Gubalan
- Memegang beberapa jawatan termasuk Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen, Peguam Persekutuan dan Penolong Kanan Pendaftar serta Pegawai Khas kepada bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah dan Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim.
- 2005** - Dilantik sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
- 2006** - Pesuruhjaya Kehakiman
- 2007** - Hakim Mahkamah Tinggi
- 2013** - Hakim Mahkamah Rayuan
- 2018** - Hakim Mahkamah Persekutuan



SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH berkenan mengurniakan Surat Cara Pelantikan kepada **Tengku Maimun Tuan Mat** di Istana Negara, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

Tengku Maimun angkat sumpah Ketua Hakim Negara

■ KUALA LUMPUR 6 MEI

YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan Surat Cara Pelantikan kepada Ketua Hakim Negara, Datuk Tengku Maimun Tuan Mat di Istana Negara, hari ini.

Bekas Hakim Mahkamah

Persekutuan itu kemudiannya mengangkat dan melafazkan sumpah sebagai Ketua Hakim Negara yang baharu.

Pelantikan Tengku Maimun yang berkuat kuasa 2 Mei lepas dibuat selaras dengan Fasal (1) Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan bagi menggantikan Tan Sri Richard Malanjum yang bersara pada 12 April.

Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan Ketua Hakim Negara yang berlangsung di Singgahsana Kecil istana tersebut turut dihadiri Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(Undang-Undang), Datuk Liew Vui Keong; Hakim Besar Malaya, Tan Sri Zaharah Ibrahim dan Peguam Negara, Tommy Thomas.

Pelantikan Tengku Maimun itu sekali gus mencipta sejarah apabila menjadi wanita pertama memegang jawatan tertinggi badan kehakiman negara. - BERNAMA